

**UNTUK SIARAN SEGERA**

**20 APRIL 2016**

**Suruhanjaya Tenaga**  
(Energy Commission)  
No. 12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2,  
62100 Putrajaya, Malaysia.  
T: +603 8870 8500 F: +603 8888 8637  
Toll Free : 1-800-2222-78

## **KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA TENAGA MENGENAI BAHAYA MENGGUNAKAN TELEFON BIMBIT KETIKA SEDANG DICAS**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merujuk kepada kes seorang surirumah yang dilaporkan telah mengalami renjatan elektrik sehingga maut semasa menggunakan telefon bimbit yang sedang dicaj. Berdasarkan siasatan awal, alat pengecas yang digunakan semasa kejadian telah mengalami kebakaran kecil berikutan penggunaan alat pengecas yang bukan dari pengeluar asal telefon bimbit tersebut.

Sehubungan itu, ST ingin menasihati pengguna-pengguna telefon bimbit supaya menggunakan pengecas yang tulen daripada pihak pengeluar asal, kerana alat pengecas yang tidak tulen tidak dapat disahkan keselamatannya. Selain dari itu, pengguna juga dinasihatkan supaya merujuk kepada tatacara atau prosedur keselamatan yang dinyatakan dalam manual pengguna yang disertakan dalam pakej telefon bimbit dari pengeluar asal.

Pengguna juga disarankan agar tidak menggunakan telefon bimbit semasa ia sedang dicas. Ini ialah kerana amalan ini boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna sekiranya berlaku kerosakan pada alat pengecas yang boleh menyebabkan berlakunya kebocoran arus elektrik.

Pengilang, pengimport, pembekal dan penjual diingatkan supaya hanya memasarkan alat pengecas yang mempunyai label SIRIM-ST atau alat pengecas tulen yang dibekalkan bersama telefon bimbit yang mempunyai label SKMM. Pengguna juga adalah dinasihatkan agar membeli dan mengguna hanya alat pengecas yang mempunyai label seperti di atas.

Untuk maklumat lanjut mengenai keselamatan elektrik, orang ramai boleh menghubungi Unit Promosi dan Komunikasi, Jabatan Perkhidmatan Korporat di talian 03 8870 8500/8598 atau emel ke [upk@st.gov.my](mailto:upk@st.gov.my).

-TAMAT-

UNIT PROMOSI DAN KOMUNIKASI  
JABATAN PERKHIDMATAN KORPORAT  
SURUHANJAYA TENAGA  
Tel: 03-8870 8500/8598  
Emel: [upk@st.gov.my](mailto:upk@st.gov.my)